

10 MAR 1996

KONVENSYEN UMNO TUMPU PERBINCANGAN BERBENTUK ILMIAH

KOTA KINABALU, 10 Mac (Bernama) -- Konvensyen Umno pada Mei ini yang diadakan sempena ulangtahun ke-50 penubuhan parti itu akan lebih menumpukan perbincangan berbentuk ilmiah mengenai arah tuju Umno menjelang abad ke-21.

Naib Presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata sebarang perbincangan pada konvensyen itu akan berbeza daripada perbincangan pada Perhimpunan Agung Umno Oktober ini.

"Kita fikir konvensyen Umno ini harus lebih menuju kepada persediaan kita dalam menghadapi cabaran abad ke-21 dan bagaimana arah Umno dalam menyongsong ke abad itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Taklimat Akta Pendidikan 1995 di sini.

Najib yang juga pengerusi sambutan ulangtahun itu, berkata konvensyen berkenaan yang merupakan majlis kemuncak sambutan ulangtahun Umno akan lebih memandang ke hadapan walaupun jasa dan hasil perjuangan parti selama ini tetap penting untuk diperkatakan.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno akan menyampaikan ucapan dasar pada konvensyen berkenaan.

Beliau juga berkata Umno ikhlas menjemput semua parti termasuk parti pembangkang seperti PAS dan Semangat 46 menghadiri sambutan itu kerana Umno mahu perjuangannya difahami dan terpulang kepada parti-parti berkenaan menerima jemputan itu. -- BERNAMA

JS RON